Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Berhubung Hak Orang Asal Keatas Tanah, Kawasan dan Sumber

"Tanah dan wilayah dimana kita hidup adalah berkat yang diberikan oleh pencipta kita dan juga merupakan wasiat kepada generasi masa depan kita. Berkat hasil yang kita telah nikmati daripada tanah kita tidak akan dapat digantikan dengan program penempatan dan pemindahan walau sebaik mana pun program tersebut"

- Keluhan penduduk Naga di Timur Utara India yang mengalami kesan projek Empangan Mapithel

Forest rituals of Karen community in northern Thailand

Orang Asal mempunyai hubungan kerohanian yang unik dengan tanah tradisi, kawasan, kawasan perairan dan sumber mereka, dan juga hak untuk mengekalkan dan memperkukuhkan hubungan ini. **– Artikel 25.**

Land titling among the Buhid Mangyan of Mindoro Island, Philippines

Orang Asal mempunyai hak untuk memiliki, memajukan dan mengawal tanah, kawasan dan sumber yang mereka telah miliki atau mendapati secara tradisi untuk pelbagai tujuan. Pihak kerajaan harus mengiktiraf dan mempertahankan hak ini dengan menghormati adat resam, amalan tradisi dan system pemilikan tanah Orang Asal. Pengiktirafan dan penjagaan hak tersebut haruslah dilakukan melalui proses yang tidak berpihak, terbuka dan telus dan juga melibatkan Orang Asal. **– Artikel 26, 27.**

An aerial view of palm oil plantation in Malaysia

Pihak kerajaan harus memiliki mekanisma dan undang-undang yang berkesan untuk mengelakan Orang Asal daripada kehilangan tanah, kawasan dan sumber termasuk asimilasi secara paksa dan pemusnahan budaya mereka. Orang Asal tidak harus dikeluarkan daripada tanah mereka secara paksa atau dipindahkan tanpa persetujuan secara kolektif dari pihak mereka. Bila mana hak mereka dirampas, Orang Asal berhak untuk mendapatkan keadilan termasuk diberikan ganti rugi secara adil dalam bentuk tanah, kawasan and sumber yang sama nilainya dan kualitinya. Mereka juga harus diberikan pilihan untuk kembali ke tanah, kawasan and sumber mereka sekiranya pilihan tersebut wujud. Dan apa jua keputusan berhubung dengan bentuk ganti rugi harus memmpunyai ruang untuk penglibatan mereka secara penuh and berkesan. **– Artikel 8, 10, 28**

Processing site of open-pit gold mining in Itogon, Cordillera region, Philippines

Orang Asal mempunyai hak untuk memelihara dan menjaga alam sekeliling mereka termasuk kemampuan penghasilan daripada tanah, wilayah dan sumber mereka. Pihak kerajaan harus mewujudkan dan menjalankan program-program bantuan untuk tujuan pemeliharaan dan penjagaan tersebut. Pihak kerajaan juga harus memastikan bahwa tidak ada bahan-bahan yang membahayakan disimpang atau dibuang diatas tanah milik Orang Asal tanpa mereka diberitahu lebih awal dan mendapat persetujuan daripada mereka secara kolektif. Bila mana mereka terdedah kepada kesan bahan-bahan yang berbahaya, program-program perlu dijalankan untuk mengawasi keadaan mereka dan mengembalikan tahap kesihatan mereka. Program-program harus diwujudkan oleh pihak yang menjadi mangsa kepada kesan bahan-bahan tersebut. **- Artikel 29.**

Mid-cleared area of Chittagong Hill Tracts, Bangladesh

Aktiviti berbentuk ketenteraan tidak boleh diadakan diatas tanah atau kawasan Orang Asal tanpa diberitahu dan mendapat persetujuan secara kolektif daripada mereka. **– Artikel 30**

Forest clearing in Yeav village of Kratie province, Cambodia for rubber concession

Orang Asal mempunyai hak untuk menentukan strategi-strategi pembangunan keatas tanah dan sumber mereka. Pihak kerajaan perlu membuat pemberitahuan dan mendapatkan persetujuan secara kolektif daripada Orang Asal sebelum meluluskan apa-apa projek yang member kesan keatas tanah dan sumber mereka khasnya yang berkaitan dengan penggunaan sumber mineral, air dan juga sumber-sumber lain. Pihak kerajaan juga perlu memastikan keadilan berhubung dengan akitiviti-aktiviti sedemikian dan mengambil langkah yang patut untuk menangani impak yang buruk keatas alam sekeliling, ekonomi, social, budaya dan kerohanian Orang Asal. **– Artikel 32**

J·O·A·S

AIPP

Produced by:
Asia Indigenous Peoples Pact (AIPP)
108 Moo 1, Tambon Sanpranate, Amphur Sarapi
Chiang Mai 50290 (Thailand)
www.aippnet.org